

Headline	Siasat, buru dalang sabotaj ekonomi: Tun M		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	7	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	354 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faiza Zainudin	AdValue	RM 12,156
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,468



# Siasat, buru dalang sabotaj ekonomi: Tun M

» *BNM digesa kesan individu jatuhkan nilai mata wang*

Oleh Faiza Zainudin dan Siti Azila Alias

bhnews@bh.com.my

► **Kepong**

**T**un Dr Mahathir Mohamad menggesa pihak berkepentingan, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) segera mengesan individu yang didakwa cuba mensabotaj ekonomi negara dengan menjatuhkan nilai ringgit.

Bekas Perdana Menteri berkata, bank pusat itu boleh menjalankan siasatan dan kajian teliti, termasuk mengesan pelaku serta kaitannya dengan spekulator mata wang, termasuk George Soros.

“Kita (BNM) kena kaji duit itu dijual di mana, jatuh nilai mata wang ini sebab penjualan dilakukan dengan mendadak dan kerap, baru jatuh mata wang.

“Kita kena cari, betul ke dia jual mata wang, buat kajian sama ada mempunyai hubungan baik dengan Soros atau siapa. Dulu nilai mata wang jatuh sebab dagangan mata wang asing peringkat an-

tarabangsa,” katanya pada sidang media selepas meletakkan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, semalam.

## **Kooi Ong nafi dakwaan**

Sebelum ini, satu laman blog yang menggunakan sumber didakwa dari BNM, mendakwa pemilik The Edge Media Group, Datuk Tong Kooi Ong membuat jualan singkat ke atas ringgit membabitkan AS\$1.4 bilion (RM5.04 bilion) melalui proksi pada Ogos 2014 dan bulan lalu.

Bagaimanapun, Kooi Ong menafikan dakwaan itu menerusi kenyataan media, baru-baru ini. Menerusi jualan singkat, pedagang dan pelabur mata wang dikatakan menjual ringgit apabila nilainya tinggi dan membelinya semula ketika nilainya rendah.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata siasatan perlu dilakukan berikutan individu itu sebelum

ini kerap melakukan teguran terhadap dana pelaburan utama negara, 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

“Kena siasat betul atau tidak, adakah kerana dia (Kooi Ong) tegur berkenaan 1MDB, balasannya orang tuduh dia yang jatuhkan nilai mata wang. Kalau dia tak tegur 1MDB, kalau dia bagi jatuh mata wang pun tidak mengapa,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Pertubuhan Pakatan 1Malaysia (PS1M), Zulkifly Sharif turut meminta polis menjalankan siasatan menyeluruh terhadap dakwaan berkenaan.

Beliau bersama-sama 10 ahli PS1M yang membuat laporan di Balai Polis Sentul berkata, kegiatan itu perlu dibendung pada peringkat awal bagi mengelak berlakunya kegawatan ekonomi, seperti yang pernah dialami negara pada 1998.

Headline	Siasat, buru dalang sabotaj ekonomi: Tun M		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	7	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	354 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faiza Zainudin	AdValue	RM 12,156
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,468



Dr Mahathir **menanam pokok** sambil diperhatikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod (kiri) di FRIM, semalam.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]